

Universiti Taylor's pertingkatkan transformasi kebolehpasaran graduan menerusi kerjasama IPT dan industri

Oleh **Norzamira Che Noh** - Julai 11, 2024 @ 1:04pm
bhnew@bh.com.my



Sekumpulan 25 pelajar Universiti Taylor's, hari ini, didedahkan dengan pelbagai perkongsian oleh wakil BERNAMA, mengenai gambaran sebenar dunia pekerjaan dalam bidang media dan komunikasi. NSTP/Ihsan Universiti Taylor's

[Previous](#)[Next](#)

KUALA LUMPUR: Sekumpulan 25 pelajar Universiti Taylor's, hari ini, didedahkan dengan pelbagai perkongsian oleh wakil Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

(BERNAMA), mengenai gambaran sebenar dunia pekerjaan dalam bidang media dan komunikasi.

Pendedahan ini dilihat penting sebagai persediaan secukupnya kepada pelajar untuk menjadi graduan berkebolehan dan berkemahiran, sesuai dengan kehendak industri.

Pengarah Program Pengiklanan dan Pengurusan Jenama universiti berkenaan, Dr Fahizah Shamsuddin, berkata kerjasama di antara institusi pendidikan tinggi (IPT) dan industri terbukti menjadi kunci utama dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan di Malaysia.

Katanya, kolaborasi itu tidak hanya menghasilkan graduan yang "future-ready" untuk menghadapi cabaran dunia kerja yang sebenar, tetapi juga membina hubungan jaringan di antara dunia akademik dan praktikal.

"Sudah tentu mewujudkan hubungan industri yang kukuh dapat memperkayakan program pendidikan di negara ini. Selain itu, ia dapat memastikan pelajar memperoleh pengalaman praktikal dan kemahiran yang relevan dengan pasaran pekerjaan.

"Kerjasama ini bukan sahaja meningkatkan kualiti pendidikan tetapi juga menyediakan graduan untuk sedia bekerja bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang dinamik hari ini," katanya.

Terdahulu, ketibaan kumpulan pelajar bersama tenaga pengajar Universiti Taylor's di BERNAMA, disambut oleh Ketua Program, Bahasa Inggeris BERNAMA TV, Gerard Ratnam.

Pelajar dibawa melawat ke studio berita, radio dan sesi soal jawab bersama dengan pihak media.

Isu-isu mengenai perancangan media dan cabaran media untuk menghasilkan isi kandungan yang berkualiti dan menarik dikongsi bersama pelajar yang hadir.

Fahizah berkata, jaringan kerjasama di antara bidang akademik dan industri sudah lama diperkatakan sebagai jambatan dalam membina sumber manusia berkualiti melalui pelajar universiti yang berkebolehan dan berkemahiran.

Katanya, hal ini penting bagi memenuhi keperluan sesebuah industri yang sentiasa berkembang maju dari semasa ke semasa selari tuntutan global serta disokong oleh kecanggihan teknologi terkini.

Malah, katanya, kerjasama industri dan institusi pendidikan haruslah seiring dengan teori dan praktikal bagi melahirkan graduan yang berkompentensi dan meningkatkan kebolehpasaran.

Nur Syahidatul Idany selaku pengiring pelajar dan pensyarah bagi modul perancangan media itu pula berpendapat, kolaborasi yang erat dapat memberi manfaat besar kepada industri dan universiti.

Katanya, ini kerana ia dapat melahirkan mahasiswa yang mudah beradaptasi dengan cabaran dunia kerja yang sebenar dan industri juga dapat merekrut mahasiswa yang berbakat, berpengetahuan dan berdaya saing hingga ke peringkat global.